

orang muslim yang dijamin oleh Allah dan dijamin oleh Rasulullah s.a.w. Maka janganlah kamu khianati jaminan Allah itu.”⁴⁹⁴

٣٧٩ - حَدَّثَنَا نُعَيْمٌ قَالَ حَدَّثَنَا ابْنُ الْمُبَارَكِ عَنْ حُمَيْدِ الطَّوِيلِ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُمِرْتُ أَنْ أَقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَإِذَا قَالُوهَا وَصَلُّوا صَلَاتَنَا وَاسْتَقْبَلُوا قِبَلَتَنَا وَذَبَحُوا ذَبِيحَتَنَا فَقَدْ حَرُمَتْ عَلَيْنَا دِمَاؤُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِلَّا بِحَقِّهَا وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ قَالَ ابْنُ أَبِي مَرْيَمَ أَخْبَرَنَا يَحْيَى بْنُ أَيُّوبَ حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ حَدَّثَنَا أَنَسٌ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا خَالِدُ بْنُ الْحَارِثِ قَالَ حَدَّثَنَا حُمَيْدٌ قَالَ سَأَلَ مَيْمُونُ بْنُ سَيَّاهٍ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ يَا أَبَا حَمَزَةَ مَا يُحَرِّمُ دَمَ الْعَبْدِ وَمَالَهُ فَقَالَ مَنْ شَهِدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاسْتَقْبَلَ قِبَلَتَنَا وَصَلَّى صَلَاتَنَا وَأَكَلَ ذَبِيحَتَنَا فَهُوَ الْمُسْلِمُ لَهُ مَا لِلْمُسْلِمِ وَعَلَيْهِ مَا عَلَى الْمُسْلِمِ

379- Nu`aim meriwayatkan kepada kami, katanya: Ibnu al-Mubarak meriwayatkan kepada kami daripada Humaid at-Thawil daripada Anas bin Malik, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Aku diperintah supaya memerangi manusia (kafir harbi) sehingga mereka mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ.⁴⁹⁵

⁴⁹⁴ Antara pengajaran dan panduan yang dapat difahami daripada hadits ini ialah: (1) Seseorang dikira berdasarkan zahirnya. Kita tidak dipertanggungjawabkan dengan apa yang tersembunyi di dalam hatinya. Oleh itu orang-orang Islam diajar agar melayani orang lain mengikut keadaan zahirnya. (2) Kelebihan qiblat Ka'bah kerana ia merupakan qiblat orang-orang Islam. (3) Menghadap qiblat adalah syarat sah sembahyang kecuali pada ketika sembahyang khauf (sembahyang dalam keadaan perang). (4) Salah satu tanda orang Islam ialah bersembahyang dengan cara yang diajarkan oleh Islam. (5) Satu lagi tanda orang Islam ialah memakan sembelihan orang Islam. (6) Orang Islam mendapat jaminan perlindungan daripada Allah dan Rasulullah s.a.w. Maka orang-orang Islam lain berkewajipan melindunginya dan membelanya serta menjaga segala kepentingannya.

⁴⁹⁵ Di dalam riwayat Bukhari r.a. yang lain, juga daripada Anas, tersebut begini: حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ . Bermaksud: “Sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah hambaNya dan Rasulullah.” Di dalam satu lagi riwayat Bukhari r.a. begini lafaznya: حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَيُؤْمِنُوا بِي . Bermaksud: “Sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan mereka beriman kepadaku serta beriman dengan ajaran yang aku bawa.” Di dalam riwayat Bukhari r.a. daripada Ibnu `Umar, lafaznya tersebut begini: حَتَّى يَشْهَدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ وَيَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ . Bermaksud: “Sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan Muhammad adalah Rasulullah selain daripada mereka mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat.” Demikianlah tersebut dua kalimah syahadah di dalam kebanyakan hadits. Hadits di atas tanpa kalimah kedua merupakan hadits mukhtashar (disebabkan oleh ihtishar perawi). Mungkin juga apa yang disebutkan di dalam hadits di atas termasuk dalam salah satu bab majaz mursal iaitu bab “Sebut sebahagian tetapi yang dimaksudkan ialah keseluruhan atau semua sekali” (من باب إطلاق الجزء وإرادة الكل). Oleh kerana ucapan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ adalah yang pertama dan yang utama daripada dua kalimah syahadah, maka ia disebutkan sebagai tajuk. Tetapi yang dimaksudkan sebenarnya adalah kedua-dua kalimah syahadah itu. Seperti seseorang berkata: “Di dalam raka'at pertama sembahyang tadi imam membaca قل يا dan di dalam raka'at kedua قل هو الله.” Tentu sekali orang yang berkata begitu tidak bermaksud mengatakan imam membaca قل يا sahaja, malah apa yang dimaksudkannya ialah semua sekali surah yang bermula dengannya. Begitu juga dengan قل هو الله. Yang dimaksudkan dengannya ialah semua sekali surah yang bermula dengannya. Hadits ini jika dilihat sekali imbas, menampakkan seolah-olahnya Islam menggunakan kekerasan dan paksaan dalam penyebarannya. Sebabnya ialah adanya penggunaan perkataan الناس di dalam sabda Nabi s.a.w. Padahal perkataan itu dipakai di sini sebagai perkataan umum yang dikhususkan ma'nanya (عام مخصوص). Perkataan الناس tidak dipakai di sini seumum ma'nanya (seluas ma'nanya) sehingga ia merangkumi orang Islam, orang munafiq dan orang kafir zimmi atau mu'aahid. Ia dipakai khusus untuk kafir harbi semata-mata. Sabda Nabi s.a.w. itu bermaksud peperangan dengan kafir harbi akan berterusan selagi mereka tidak mengucapkan dua kalimah syahadah. Apabila mereka mengucapkannya maka tidak

Apabila mereka mengucapkannya, bersembahyang seperti sembahyang kita, berqiblatkan qiblat kita dan memakan sembelihan kita, maka sesungguhnya haramlah kepada kita darah dan harta benda mereka kecuali dengan haknya.⁴⁹⁶ Dan perhitungan tentang diri mereka yang sebenarnya terserah kepada Allah.⁴⁹⁷ Kata Ibnu Abi Maryam: Yahya bin Ayyub meriwayatkan kpd kami, katanya: Humaid meriwayatkan kepada kami, katanya: Anas meriwayatkan kepada kami daripada Nabi s.a.w.⁴⁹⁸ 'Ali bin 'Abdillah berkata: Khalid bin al-Harith meriwayatkan kepada kami, katanya: Humaid meriwayatkan kepada kami, katanya: Maimun bin Siah bertanya Anas bin Malik,⁴⁹⁹ katanya: "Wahai Aba Hamzah! Apakah yang mengharamkan darah seseorang dan

halal lagi darah dan harta benda mereka dicerobohi. Walaupun mereka boleh jadi tidak ikhlas atau berpura-pura mengucapkannya demi menyelamatkan diri dalam peperangan. Itulah maksud sabda baginda di akhir hadits ini, "Dan perhitungan tentang diri mereka yang sebenarnya terserah kepada Allah." Sejarah di sepanjang zaman juga membuktikan penganut agama-agama lain hidup dengan aman damai di dalam negara Islam. Di mana paksaan terhadap mereka supaya meninggalkan agama mereka? Di mana mereka diperangi sehingga terpaksa mengucapkan dua kalimah syahadah?? Di dalam al-Qur'an juga perkataan الناس ada dipakai sebagai perkataan umum yang dikhususkan ma'nanya (عام مخصوص). Sebagai contohnya ialah firman Allah ini: وَأَذِّنْ فِي النَّاسِ بِالْحَجِّ. Bermaksud: Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadat Haji ... (al-Haj:27). Perkataan الناس di sini tidak dipakai seluas erti asalnya. Ia dipakai di sini untuk orang-orang Islam sahaja. Buktinya ialah sabda Nabi s.a.w. ini: لَا يَحُجُّ بَعْدَ الْعَامِ مُشْرِكٌ. Bermaksud: Ketahuilah, selepas tahun ini orang musyrik tidak boleh lagi mengerjakan haji. Bukankah orang musyrik juga manusia?

Tujuan Bukhari r.a. mengemukakan hadits kedua ini ialah untuk menjelaskan lagi maksud hadits sebelum ini. Di dalamnya tersebut bahawa: "Sesiapa yang bersembahyang seperti sembahyang kita, berqiblatkan qiblat kita dan memakan sembelihan kita, itulah orang muslim yang dijamin oleh Allah dan dijamin oleh RasulNya s.a.w. Apakah dengan melakukan tiga perkara yang tersebut itu semata-mata, seseorang terus di anggap sebagai muslim sejati yang dijamin oleh Allah dan dijamin oleh RasulNya s.a.w. tanpa sebarang syarat yang lain? Jawabnya tidak, lihatlah hadits kedua ini pula. Di dalamnya disebutkan, dia terlebih dahulu hendaklah mengucapkan dua kalimah syahadah. Tanpa mengucap dua kalimah syahadah terlebih dahulu, segala amalan termasuk sembahyang, menghadap qiblat dan lain-lain tidak akan diterima Allah. Jaminan Allah dan RasulNya juga tidak akan diperolehinya. Apakah bentuk jaminan Allah dan RasulNya itu? Hadits kedua ini juga menjelaskannya iaitu darah dan harta benda mereka diharamkan kepada orang-orang Islam yang lain dengan erti darah dan harta benda mereka mestilah dilindungi semua pihak, termasuk pemerintah dan juga masyarakat Islam.

⁴⁹⁶ Apa yang dimaksudkan dengan haknya di sini ialah hak ucapan dua kalimah syahadah atau hak Islam itu sendiri. Dua kalimah syahadah yang diucapkan oleh seseorang menghendaki mana-mana orang Islam yang membunuh orang lain mestilah menerima hukum Islam dalam perkara ini, iaitu qisas jika tidak dima'afkan oleh wali (keluarga) orang yang terbunuh. Maka darah dan nyawanya tidak lagi dijamin dan dilindungi. Dua kalimah syahadah itu sendiri yang memberikan hak kepada keluarga orang yang terbunuh untuk membunuhnya. Islam yang dianuti seseorang menuntut agar dia membayar zakat. Dalam keadaan seseorang enggan membayar zakat, pihak pemerintah boleh merampas daripadanya harta yang wajib ke atasnya sebagai zakat. Dalam keadaan ini hartanya tidak dilindungi lagi. Ia boleh diambil pemerintah berdasarkan hak yang diberikan oleh agama kepadanya. Begitulah dengan tuntutan-tuntutan agama yang lain-lain lagi.

⁴⁹⁷ Sama ada mereka benar-benar Islam atau berpura-pura Islam.

⁴⁹⁸ Tujuan Bukhari r.a. mengemukakan ta'liq Ibnu Abi Maryam ini ialah untuk menghilangkan keraguan yang mungkin timbul daripada isnad sebelum ini. Humaid at-Thawil di dalamnya meriwayatkan daripada Anas secara 'an'anah, sedangkan dia terbilang sebagai salah seorang mudallis. Kemungkinan terputus sanad (انقطاع) tetap ada di dalam riwayat mudallis secara 'an'anah. Kerana itulah Bukhari r.a. membawa pula riwayat Ibnu Abi Maryam yang dengan jelas menyebutkan Humaid meriwayatkan hadits ini daripada Anas secara tahdits. Maka dengan sendirinya keraguan yang timbul sebelum ini lenyap.

⁴⁹⁹ Tujuan Bukhari r.a. membawa pula riwayat 'Ali bin al-Madini secara ta'liq atau muzakarah ialah untuk menguatkan riwayat Maimun bin Siah. Oleh kerana Maimun bin Siah dipertikaikan oleh sesetengah 'ulama' seperti

hartanya? Jawab Anas: orang yang mengucapkan لا إله إلا الله, berqiblatkan qiblat kita, bersembahyang seperti sembahyang kita dan memakan sembelihan kita. Itulah dia orang muslim. Dia mendapat hak seperti yang diperolehi oleh orang muslim yang lain dan bertanggungjawab (juga) seperti orang muslim yang lain.⁵⁰⁰

بَابُ قِبْلَةِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ وَأَهْلِ الشَّامِ وَالْمَشْرِقِ لَيْسَ فِي الْمَشْرِقِ وَلَا فِي الْمَغْرِبِ قِبْلَةٌ لِقَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ بَعَاطٍ أَوْ بَوْلٍ
وَلَكِنْ شَرِقُوا أَوْ غَرِبُوا

2- Bab Qiblat Penduduk Madinah, Penduduk Syam Dan Penduduk Masyriq.⁵⁰¹ Qiblat (Mereka) Bukan Ke Arah Timur Atau Barat,⁵⁰² Kerana Nabi s.a.w.

Yahya bin Ma'in, maka Bukhari r.a. merasakan perlu riwayat Maimun itu diperkuatkan dengan membawa Humaid sebagai mutabi'nya.

⁵⁰⁰ Antara pengajaran dan panduan yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Orang muslim sejati bukan orang yang hanya mengucap dua kalimah syahadah, bahkan orang yang menunaikan segala haq dan tuntutan dua kalimah itu berupa sembahyang dan lain-lain. (2) Menghadap qiblat Ka'bah adalah salah satu syarat untuk sah sembahyang. Ia juga merupakan salah satu tanda bahawa seseorang yang memeluk agama Islam telah benar-benar menerimanya jika dia bersembahyang dengan menghadap ke arahnya. Sembahyang seseorang yang memeluk agama Islam ke arah qiblat agama yang dianutnya sebelum memeluk agama Islam tidak diterima. Bukan sekadar itu sahaja, Islamnya juga sebenarnya tidak sah walaupun dia mengucapkan dua kalimah syahadah. (3) Qiblat mempunyai kelebihan dan kedudukannya yang tersendiri di dalam Islam. Kerana itulah ia disebutkan di dalam hadits ini secara khusus. (4) Memakan sembelihan orang-orang Islam juga merupakan salah satu tanda kebenaran Islam seseorang. Orang yang tidak menganggap halal sembelihan orang-orang Islam, sebenarnya bukan muslim. (5) Apabila seseorang memeluk agama Islam, dia terus memperolehi segala keistimewaan yang diperolehi orang-orang Islam lain. Dia juga bertanggungjawab seperti orang-orang Islam yang lain.

⁵⁰¹ Tajuk bab ini dianggap salah satu tajuk bab yang rumit di dalam Sahih Bukhari r.a. Semua pihak mengakui kehebatan fiqh Bukhari r.a. di sebalik tajuk-tajuk bab yang di buatnya. Tetapi adakalanya tajuk bab beliau begitu sukar sehingga sukar pula menentukan apakah sebenarnya yang dikehendaki oleh beliau. Sebagai contohnya, bab yang anda hadapi sekarang ini. Sesungguhnya kesukaran dan kerumitan yang timbul kadang-kadang disebabkan oleh perbezaan nuskah, kadang-kadang pula disebabkan oleh adanya kemungkinan beberapa cara i'raab pada perkataan-perkataan tertentu di dalam tajuk babnya. Di dalam bab di atas kedua-dua sebab tersebut memang ada, maka ia menambahkan lagi kesukaran untuk menentukan maksud sebenar pengarangnya. Di dalam sesetengah nuskah terdapat perkataan قِبْلَةٌ selepas kata bukhari وَلَا فِي الْمَغْرِبِ. Demikianlah terdapat di dalam nuskah yang dipakai oleh kita ini. Di dalam sesetengah nuskah yang lain pula ia tiada. Perkataan وَالْمَشْرِقِ, ada yang membacanya dengan jar, ada pula yang membacanya dengan rafa'. Semua perbezaan ini memberi impak besar kepada ertinya. Bagi penulis, punca kesukaran dan kekeliruan tanggapan di dalam tajuk di atas ialah kerana adanya perkataan وَالْمَشْرِقِ selepas kata Bukhari r.a. بَابُ قِبْلَةِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ وَأَهْلِ الشَّامِ. Kesukaran dan kekeliruan tanggapan tidak akan timbul sekiranya Bukhari r.a. hanya berkata: بَابُ قِبْلَةِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ وَأَهْلِ الشَّامِ semata-mata. Ini kerana ertinya jelas iaitu qiblat penduduk Madinah dan penduduk Syam bukan ke arah timur dan barat. Tetapi oleh kerana beliau menyebutkan juga وَالْمَشْرِقِ selepasnya, terus kabur dan samarlah maksudnya. Walaupun beliau memang mempunyai maksud tersendiri dengan menyebutnya dalam bentuk itu. Memang benar qiblat penduduk Madinah dan penduduk Syam bukan ke arah timur dan barat, kerana mereka berada di sebelah utara Mekah. Mekah pula berada di sebelah selatannya. Tetapi adakah benar qiblat penduduk timur bukan ke arah barat? Begitu juga sebaliknya adakah benar qiblat penduduk barat tidak ke arah timur? Inilah yang menjadi kemusykilan. Apa lagi kalau dikatakan tiada qiblat di sebelah timur atau barat! Bukankah qiblat kita orang-orang yang berada di sebelah timur ini di sebelah barat? Dan bukankah qiblat orang-

Bersabda: "Jangan Kamu Menghadap Qiblat Ketika Membuang Air Besar Atau Air Kecil Tetapi Hendaklah Kamu Menghadap Ke Timur Atau Ke Barat."

orang yang berada di sebelah barat pula berada di sebelah timur? Sebelum apa-apa yang lain, elok kiranya kita selesaikan terlebih dahulu teka-teki perkataan *وَالْمَشْرِقُ*. Perkataan ini jika dibaca dengan jar, bererti ia ma'thuf kepada perkataan *أهل المدينة* yang majrur sebagai mudhaaf ilaih (مضاف إليه). Hafiz Ibnu hajar berkata: "Berdasarkan riwayat yang kami terima ia adalah dengan jar. Jika ia dibaca dengan rafa' pula, maka ia merupakan ma'thuf kepada *باب*. Qadhi 'Iyaadh menukilkan bahawa riwayat kebanyakan perawi Sahih Bukhari r.a. adalah dengan rafa' perkataan *وَالْمَشْرِقُ* dan beliau memilih i'raab ini. Sesetengah 'ulama' mengatakan *وَالْمَشْرِقُ* dengan jar adalah salah. Ia merupakan kesalahan penyalin. Sebabnya ialah qiblat penduduk timur adalah ke arah barat bukan ke arah selatan seperti penduduk Madinah atau penduduk Syam. Kata mereka yang betulnya ialah *وَالْمَشْرِقُ* dengan rafa' sebagai muftada' yang khabarnya mahzuf. Taqdirnya ialah: *وَقِبْلَةُ أَهْلِ الْمَشْرِقِ بِخِلَافِ أَوْ غَيْرِ قِبْلَةِ أَهْلِ الْمَدِينَةِ*. Bermaksud: "dan qiblat penduduk timur berbeza daripada qiblat penduduk Madinah dan penduduk Syam." Atau boleh juga ia diterjemahkan begini: "Qiblat penduduk timur bukan (ke arah) qiblat penduduk Madinah dan penduduk Syam." Ertinya ialah jika qiblat penduduk Madinah dan penduduk Syam ke arah selatan, maka qiblat penduduk timur bukan ke arah itu, bahkan qiblat mereka adalah ke arah barat. Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi pula mentaqdirkan begini: *وَأَمَّا الْمَشْرِقُ فَلَيْسَ مَدَارَ الْقِبْلَةِ عَلَى الْمَشْرِقِ وَلَا عَلَى الْمَغْرِبِ وَإِنَّمَا الْقِبْلَةُ الْبَيْتُ إِلَى أَيِّ جِهَةٍ وَقَعَتْ*. Bermaksud: Ada pun timur, ia bukan penentu arah qiblat. Arah qiblat tidak semestinya ke arah timur atau barat. Qiblat sebenarnya ialah Baitillah, tak kira di arah mana sekalipun ia berada. Di sini mungkin timbul tanda tanya, kearah mana pula qiblat penduduk barat? Kenapa Bukhari r.a. tidak menyebut tentang qiblat penduduk barat? Golongan ini menjawab, apabila qiblat penduduk timur telah diketahui, dengan sendirinya qiblat penduduk barat akan diketahui. Ia tidak perlu disebut lagi kerana telah difahami secara automatik. 'Allamah al-'Aini menjelaskan dengan katanya: *وَقِبْلَةُ أَهْلِ الْمَشْرِقِ*. Jadi taqdirnya: *وَالْمَشْرِقُ*. Setelah perkataan *وَالْمَغْرِبِ* (telah dibuang) selepas perkataan *وَالْمَشْرِقُ* sudah cukup menunjukkannya. Cara pembuangan ma'thuf seperti ini ada juga digunakan di dalam al-Qur'an. Misalnya di dalam ayat berikut ini: *وَجَعَلْ لَكُمْ سِرَابًا وَجَعَلْ لَكُمْ سِرَابًا تَقِيَكُمْ الْحَرَّ أَيُّ الْوَرْدِ*. Bermaksud: ... dan Dia juga menjadikan bagi kamu pakaian-pakaian yang memelihara kamu dari panas (dan sejuk)... (an-Nahl:81). Kalau pakaian diperlukan untuk memelihara manusia daripada kepanasan, maka untuk memelihara mereka daripada kesejukan tentulah ia lebih-lebih lagi diperlukan. Perkara yang jelas seperti ini tidak perlu lagi disebut. Segolongan lagi pensyarah Sahih Bukhari r.a. berpendapat tidak perlu anda menyalahkan mana-mana penyalin, nuskah atau Imam Bukhari r.a. sendiri. Kerana perkataan *وَالْمَشْرِقُ* itu jika di'rab dan dibaca dengan jar sekalipun, tetap boleh dipakai dan tidak salah. Sebabnya ialah Bukhari r.a. tidak maksudkan penduduk timur di sini semua penduduk timur di seluruh dunia. Timur yang beliau maksud di sini hanyalah timur yang nisbi dan khusus bukan mutlaq iaitu seperti Bukhara, Marw dan lain-lain. Kawasan-kawasan ini di zaman itu dikenali sebagai kawasan timur. Oleh kerana Syam terletak di sebelah baratnya, maka ia dipanggil kawasan barat dinisbahkan kepada kawasan-kawasan timur tadi. Qiblat penduduk di kawasan-kawasan timur seperti itu juga sama seperti qiblat penduduk Madinah dan Syam iaitu ke arah selatan bukan ke arah barat. Itulah maksud Bukhari r.a. Adapun orang-orang yang betul-betul berada di sebelah timur seperti kita ini, qiblat mereka memanglah ke sebelah barat. Ibnu Baththaal dan Kirmani berkata: "Sebabnya Bukhari r.a. menyebutkan secara khusus arah timur dan tidak menyebut langsung tentang barat ialah kerana kebanyakan wilayah Islam pada ketika itu terletak di sebelah timur."

⁵⁰² Kata-kata Bukhari r.a. ini khusus untuk penduduk Madinah dan orang-orang yang berada di arah yang sama dengannya seperti Syam dan lain-lain. Ia sama sekali tidak bererti arah timur atau barat langsung tidak merupakan arah qiblat kepada mana-mana penduduk bumi. Buktinya ialah selepas berkata begitu Bukhari r.a. terus mengemukakan larangan Nabi s.a.w. ini: "Jangan kamu menghadap qiblat ketika membuang air besar atau air kecil tetapi hendaklah kamu menghadap ke timur atau ke barat." Tujuan Nabi s.a.w. melarang menghadap qiblat ketika membuang air besar atau air kecil ialah untuk menghormatinya. Dengan menghadap ke timur atau ke barat yang tidak merupakan arah qiblat bagi penduduk Madinah dan lain-lain tercapailah tujuan dan maksud baginda s.a.w. itu. Tetapi bagi penduduk yang arah qiblatnya memang ke timur atau ke barat, mereka dikehendaki menghadap ke arah utara atau selatan ketika membuang air. Kerana dengan membuang air ke arah timur atau barat bererti mereka menghadap qiblat atau membelakanginya, dan ini nyata satu perbuatan yang biadab. Qiblat adalah sesuatu yang mulia dan perlu dihormati. Ia merupakan lambang kesatuan dan paksi perpaduan umat. Sunnah Rasulullah s.a.w. mengajar kita supaya menghormati sesuatu yang mulia dan punya kelebihan seperti Ka'bah qiblat kaum muslimin itu.

٣٨٠ - حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ قَالَ حَدَّثَنَا الزُّهْرِيُّ عَنْ عَطَاءِ بْنِ يَزِيدَ اللَّيْثِيِّ عَنْ أَبِي أَيُّوبَ الْأَنْصَارِيِّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا أَتَيْتُمُ الْغَائِطَ فَلَا تَسْتَقْبِلُوا الْقِبْلَةَ وَلَا تَسْتَدْبِرُوهَا وَلَكِنْ شَرُّقُوا أَوْ غَرِّبُوا قَالَ أَبُو أَيُّوبَ فَقَدِمْنَا الشَّامَ فَوَجَدْنَا مَرَايِضَ بُنِيَتْ قَبْلَ الْقِبْلَةِ فَتَنَحَّرَفْ وَتَسْتَغْفِرُ اللَّهَ تَعَالَى وَعَنِ الزُّهْرِيِّ عَنْ عَطَاءٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا أَيُّوبَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِثْلَهُ

380- `Ali bin `Abdullah telah meriwayatkan kepada kami katanya: Sufyan telah meriwayatkan kepada kami katanya: al-Zuhri telah meriwayatkan kepada kami daripada Atha' bin Yazid al-Laitsi daripada Abu Ayyub al-Ansari bahawa Nabi s.a.w. bersabda: “Apabila kamu pergi membuang air besar, maka janganlah kamu menghadap qiblat dan jangan kamu membelakanginya,⁵⁰³ tetapi hendaklah kamu menghadap ke arah timur atau barat. Abu Ayyub berkata: “Setelah itu kami pergi ke Syam. Kami dapati tandas-tandasnya dibina menghadap ke arah qiblat. Kami pun berpaling dan beristighfar kepada Allah.⁵⁰⁴ Dan (diriwayatkan) daripada

⁵⁰³ Para `ulama' berbeza pendapat tentang hukum menghadap qiblat dan membelakanginya ketika membuang air. Pendapat mereka dalam masalah ini terbahagi kepada lapan seperti berikut ini: (1) Tidak harus menghadap qiblat dan membelakanginya secara mutlaq sama ada di tanah lapang atau di dalam binaan. Inilah pendapat Abu Ayyub al-Anshari, Abu Hurairah, Ibnu Mas'ud, Suraqah bin Malik, Mujahid, Ibrahim an-Nakha'i, Thawus, `Athaa', Abu Hanifah, Sufyan ats-Tsauri, Abu Tsaur, Ahmad bin Hambal di dalam salah satu riwayat daripadanya, Ibnu Hazam, Ibnu al-'Arabi, Ibnu al-Qayyim dan lain-lain. (2) Kedua-duanya harus secara mutlaq. Itulah pendapat `Aaisyah r.a., `Urwah bin az-Zubair, Rabi'ah ar-Raa'i dan Daud az-Zahiri. (3) Tidak harus menghadap qiblat secara mutlaq sama ada di tanah lapang atau di dalam binaan tetapi harus membelakanginya secara mutlaq. Ini adalah salah satu pendapat Abu Hanifah dan salah satu pendapat Ahmad. Ini juga pendapat sebahagian Ahli az-Zahir. (4) Menghadap qiblat dan membelakanginya tidak harus ditanah lapang, tetapi kedua-duanya harus di dalam binaan. Pendapat seperti ini diriwayatkan daripada Ibnu `Umar, Ibnu `Abbaas dan Sya'bi. Ini juga merupakan pendapat Malik, Syafi'e, Ishaq bin Rahawaih dan Ahmad dalam salah satu riwayat daripadanya. Imam Bukhari r.a. juga berpendapat demikian. (5) Harus membelakangi qiblat dalam binaan sahaja. Ini adalah pendapat Abu Yusuf. (6) Haram menghadap qiblat dan membelakanginya sama ada di dalam binaan atau di tanah lapang. Hukum menghadap dan membelakangi Baitul Maqdis juga sama. Ini adalah pendapat yang diriwayatkan daripada Ibnu Sirin dan Ibrahim an-Nakha'i. (7) Haram menghadap qiblat dan membelakanginya adalah khusus kepada penduduk Madinah dan orang-orang yang sama qiblat dengannya sama ada di dalam binaan atau di tanah lapang. Ini adalah pendapat Abu `Awaanah murid Muzani. (8) Menghadap qiblat dan membelakanginya adalah makruh tanzihi. Ini juga salah satu pendapat Abu Hanifah.

⁵⁰⁴ Di dalam sesetengah riwayat tersebut perkataan عنها selepas perkataan فتنحرف. Dhamir pada perkataan عنها itu jika marji'nya dikatakan perkataan قِبْلَةَ yang tersebut sebelum itu, maka maksudnya ialah kami berpaling daripada qiblat ketika berada di dalam tandas yang dibina dengan menghala ke arahnya. Disebabkan kami tidak dapat berpaling dengan sepenuhnya, maka selepas selesai membuang air kami memohon keampunan daripada Allah kerananya. Ada juga `ulama' mengatakan dhamir pada perkataan عنها itu meruju' kepada perkataan مراحيض. Dengan itu ia bererti kami berpaling daripada tandas-tandas itu, ya'ni kami tidak menggunakannya untuk membuang air. Yang kami guna ialah tempat-tempat lain yang lebih sesuai dan kami memohon kepada Allah agar mengampunkan dosa-dosa orang yang membina tandas-tandas itu sedemikian rupa. Ramai `ulama' menganggap pendapat kedua ini sebagai tidak munasabah. Kerana apa ertinya memohon ampun kepada Allah untuk orang-orang kafir. Bangunan dan binaan di Syam pada ketika itu boleh dikatakan kesemuanya dibina oleh orang-orang kafir. Tetapi Maulana Mubarakfuri di dalam Tuhfatul Ahwazi mengandaikan tandas-tandas itu mungkin juga dibina oleh orang-orang

az-Zuhri daripada Atha', katanya: Saya mendengar Abu Ayyub (meriwayatkan) daripada Nabi s.a.w. sama seperti itu.⁵⁰⁵

Islam yang tidak menganggap salah membinanya dengan menghala ke arah qiblat. Kerana itulah Abu Ayyub dan sahabat-sahabatnya beristighfar.

⁵⁰⁵ Di sini Bukhari r.a. bermaksud menyatakan bahawa dengan sanad tadi juga Zuhri meriwayatkan daripada 'Atha'. Ertinya ialah wau pada *وَعَنِ الزُّهْرِيِّ* adalah wau 'athaf. Dengan itu ia tidak boleh dianggap sebagai riwayat secara ta'liq. Selain itu Bukhari r.a. juga mahu menguatkan riwayat yang telah dikemukakannya secara 'an'anah dengan riwayat kedua ini di mana 'Atha' dengan jelas menyatakan dia telah mendengar Abu Ayyub (التصريح بالسماع) meriwayatkan hadits ini. Kesimpulannya ialah Zuhri meriwayatkan hadits ini dua kali kpd Sufyan. Sekali secara 'an'anah dan sekali pula secara التصريح بالسماع. Kata Kirmani memanglah التصريح بالسماع lebih kuat daripada عنعنة tetapi riwayat Zuhri ini dha'if kerana ia hanya dibawa oleh Bukhari r.a. secara ta'liq. Sekali pandang memang benar kata Kirmani itu. Tetapi hadits ini pada hakikatnya bukan mu'allaq. Ia adalah hadits musnad dan dikemukakan juga oleh Imam Ahmad bin Hambal di dalam Musnadnya.